

18 NOV 1998

Gore-Reaksi

RAKYAT TERUS KECAM AL GORE, MAHU REFORMASI DIHENTIKAN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat terus mengecam naib presiden Amerika Syarikat Al Gore kerana sikap "biadabnya" terhadap negara, sambil meminta penganjur gerakan reformasi menghentikan perjuangan sia-sia mereka.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata sokongan terbuka Gore terhadap perhimpunan reformasi anti kerajaan adalah tidak betul dan menunjukkan sikapnya tidak menghormati Malaysia.

"Dia datang ke negara orang sekurang-kurangnya kenalah hormat tuan rumah -- tapi Amerika Syarikat (AS) bukan tahu hormat kepada orang lain," kata beliau ketika mengulas kenyataan Gore dua hari lepas.

Semasa berucap pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan APEC di Kuala Lumpur pada Isnin lepas, Gore menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan sokongannya terhadap pergerakan "reformasi" anti kerajaan sambil menyebut pendukung gerakan reformasi sebagai kalangan orang Malaysia yang berani.

Nik Aziz, yang juga Mursyid Am Pas, berkata AS perlu menghormati Malaysia yang menjadi tuan rumah persidangan APEC dan tidak sepatutnya menyatakan sokongan itu.

Katanya, kenyataan seperti itu dikira satu cubaan untuk mencampuri urusan hal ehwal negara ini.

"Kita tidak setuju orang lain campur tangan dalam hal ehwal negara kita sebagaimana orang lain pun tidak setuju kalau ada pihak luar mahu campur tangan dalam urusan negaranya," kata beliau.

Mengenai tunjuk perasaan oleh penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur, Nik Aziz berkata beliau tidak setuju anggota Pas terbabit dalam perhimpunan seperti itu tambahan lagi apabila ia menimbulkan kekacauan.

Di KUALA LUMPUR, Biro Antarabangsa Umno merayu penyokong gerakan reformasi agar menghentikan segera perjuangan sia-sia mereka untuk mengelakkan gerakan itu daripada diperalat oleh AS yang mahu merosakkan negara ini.

Setiausaha biro itu, Haji Mustapa Yaakub berkata sudah terbukti sebelum ini yang AS tidak pernah menyokong mana-mana gerakan kepimpinan Islam di dunia, sebaliknya mereka adalah dalang utama yang berada di belakang gerakan untuk menghancurkan Islam.

"Adalah satu perkara yang amat malang sekiranya rakyat Malaysia yang menyokong reformasi membiarkan diri mereka menjadi alat musuh Islam," katanya.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Amidi Abdul Manan berkata perjuangan keadilan di negara ini tidak memerlukan sokongan AS yang disampaikan dengan begitu biadab oleh Gore.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib menyelar Gore kerana kejahilannya dan sikapnya yang tidak menghormati Malaysia. Ucapannya membayangkan kejahilannya tentang hal ehwal dalam negara ini.

"Ucapan itu sendiri bercanggah dengan asas demokrasi yang kononnya cuba dicanangkannya," kata Ramli kepada pemberita.

"Dia bukan sahaja menunjukkan sikapnya tidak menghormati Malaysia tetapi juga mencemarkan nama baik negara kita. Demokrasi apa yang diperkatakannya?" kata Ramli.

Di SEREMBAN, mesyuarat Exco kerajaan negeri hari ini berpendapat ucapan Gore menunjukkan ketidak-matangannya dan ketiadaan etika dalam sikapnya

sebagai tetamu ke negara ini.

Mesyuarat Exco itu juga kesal kerana terdapat sebilangan kecil rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan orang luar yang mengutuk pemimpin dan negara ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco itu.

Katanya mereka yang mengadakan demonstrasi gerakan reformasi sebenarnya melakukan perbuatan yang cukup hina dan keji dan merupakan kumpulan yang tidak bersyukur dengan nikmat dan kemakmuran di negara ini.

Ketua Wanita Umno Negeri Sembilan Datuk Napsiah Omar, yang juga Naib Ketua Wanita Umno Malaysia, berkata sebagai rakyat negara berdaulat, rakyat Malaysia tidak harus membenarkan diri dibuli oleh Amerika Syarikat.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata kenyataan Gore yang menyokong gerakan reformasi itu hanya membuktikan hakikat bahawa negara itu menyokong sesiapa sahaja yang sanggup mengikut telunjuk mereka.

Ia turut menunjukkan bahawa gerakan reformasi yang dilaungkan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat sokongan daripada Amerika, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco hari ini.

Sanusi berkata Gore mendapat maklumat salah mengenai keadaan di Malaysia melalui laporan media asing, sehingga mendorong beliau membuat kenyataan itu.

Di Kuala Lumpur, Setiausaha Agung Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen berkata Wanita MCA sangat terkejut dengan ucapan Gore, yang menunjukkan betapa tidak sensitifnya Amerika Syarikat.

"Kita sangat kecewa dengan reaksi Amerika kerana kita berasa bangga dengan keadaan negara kita yang stabil dan harmoni.

"Tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa kejayaan Malaysia dicapai melalui usaha keras kerajaan yang bertanggungjawab yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi.

"Kita menaruh keyakinan terhadap kerajaan dan rakyat kita. Kita mampu mengendalikan masalah kita melalui proses keadilan yang betul. Kita percaya kepada demonstrasi dan kekerasan dan kita sekali-kali tidak memerlukan campur tangan dari mana-mana negara," kata beliau.

Di KUCHING, Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh juga melahirkan dukacitanya terhadap ucapan Gore, dengan menyatakan ia dibuat tidak kena dengan masa dan tempatnya.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata kerajaan negeri akan menghantar nota bantahan kepada kedutaan AS berhubung kebiadapan Gore.

Perlis juga akan mengirim surat sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengambil apa jua bentuk tindakannya berhubung perkara itu, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri.

Gerakan Belia 4B Malaysia, negeri Perlis pula mahu kerajaan mengkaji semula hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat berikutan sikap "biadab" para pemimpinnya.

Pengerusinya, Hashim Suboh berkata, pertubuhan itu juga berharap kerajaan mengharamkan Gore dan Setiausaha Negara AS Madeleine Albright "memijak kaki" mereka di negara ini lagi.

Di KOTA BAHARU, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata, PBTM yang mewakili kira-kira 180,000 anggota itu menyuarakan rasa tersinggung atas kenyataan Gore, yang menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab kerana mencampuri urusan dalaman Malaysia.

"Gore ternyata mencabuli hak negara ini yang merdeka dan campur tangan negara itu tidak akan diterima oleh rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan sekolah dan bantuan kebajikan PBTM hari ini.

Katanya, gerakan reformasi yang berlaku hanya membabitkan segelintir sahaja rakyat yang menyokong Anwar dan tidak mencerminkan kehendak rakyat negara ini.

Muhammad berkata, PBTM tetap berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir dalam isu berkenaan dan menentang sebarang campur tangan asing.

Pertubuhan Seni Silat Lincih, yang dikatakan mewakili 700,000 anggota, turut mengutuk tindakan Gore dan mencadangkan supaya kerajaan memanggil Duta Amerika di sini untuk meminta maaf kepada Malaysia.

Pertubuhan itu dalam kenyataannya juga mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan tegas daripada segi hubungan diplomatik dengan Amerika berikutan tindakan Gore yang disifatkannya sebagai "kurang ajar dan biadab".

Ketua (mahaguru) pertubuhan itu, Omardin Mauju juga mencadangkan supaya kerajaan melarang kemasukan semua filem-filem ganas dari Amerika Syarikat, yang disifatkannya sebagai negara samseng antarabangsa.

Pertubuhan itu juga meminta Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dan seluruh anggotanya mengadakan demonstrasi secara besar-besaran untuk membantah kezaliman Amerika.

Persatuan Peniaga Kecil India Johor membidas Amerika kerana cuba campur tangan dalam hal ehwal Malaysia dan tidak menghormati hak rakyat Malaysia menguruskan sendiri hal ehwal mereka.

Pengerusinya D.Ravindaran berkata sokongan Gore kepada penunjuk perasaan yang menyokong Anwar seolah-olah menghasut rakyat Malaysia menggunakan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan sekarang seperti yang berlaku di Indonesia dan boleh menjejaskan keharmonian di negara ini.

-- BERNAMA